

10 APR 2002

BANCIAN PAS SATU USAHA MENIMBULKAN KERAGUAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Bancian Pas tentang bakal pengganti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah satu usaha untuk menimbulkan keraguan di kalangan anggota Umno dan rakyat Malaysia, kata Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed.

"Ini kerana Pas kurang senang hati dan gerun dengan kekuatan yang ada pada Umno," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Melalui bancian itu juga Pas mengakui mereka tiada harapan untuk menjadi kerajaan dalam negara ini, kata Mustapa ketika mengulas hasil bancian Pas dalam lidah rasminya Harakah yang menunjukkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hanya di tempat ketiga di belakang dua naib presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Mustapa berkata Abdullah telah diberi kepercayaan penuh oleh Dr Mahathir dan ini telah disokong sebulat suara oleh ahli-ahli Umno melalui perwakilan yang mengadakan pemilihan dua tahun lalu.

"Semu ahli Majlis Tertinggi Umno dan naib-naib presiden Umno telah juga menyatakan sokongan kepada beliau dan kita yakin bahawa beliau mempunyai ketokohan dan kewibawaan untuk menjadi pemimpin masa depan negara kita," katanya.

-- BERNAMA
MAD MAD MAI